

04/08/1999

PM buat pembangkang bingung

IPOH, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih membuat semua pihak terutama pembangkang tertanya-tanya bilakah beliau akan membubarkan Parlimen untuk mengadakan pilihan raya.

Selepas membayangkan di sini semalam pilihan raya semakin dekat, Perdana Menteri yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) hari ini berkata, beliau mungkin mengadakan satu lagi pusingan siri lawatan ke negeri-negeri apabila pusingan sekarang selesai.

"Saya masih belum menyelesaikan pusingan saya, saya masih meneruskan pusingan dan selepas menamatkan satu pusingan saya mungkin membuat satu lagi pusingan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau sebelum ini sudah mengatakan mahu menunggu bendera Pas yang banyak dipasang merata tempat reput dulu sebelum mengadakan pilihan raya umum.

"Saya telah berkata kita perlu menunggu bendera Pas reput, itu mengambil masa lama, jadi anda boleh membuat tafsiran apa saja yang anda suka," kata Dr Mahathir di akhir lawatan dua hari beliau ke Perak.

"Akhbar-akhbar hari ini melaporkan yang kita akan menyaksikan pilihan raya tidak lama lagi. Itulah dikatakan oleh akhbar, tetapi saya juga telah menyatakan banyak lagi yang menunjukkan tarikh pilihan raya lama lagi."

"Jika Pas membuat bendera mereka daripada kertas, maka ia boleh koyak lebih cepat, maka kita boleh adakan pilihan raya dengan lebih cepat, tetapi jika ia diperbuat daripada kain mungkin... Ogos tahun depan," katanya.

Dr Mahathir dalam pertemuan dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) Perak dan rakyat di sini semalam berkata, beliau tidak memberi jaminan pilihan raya tidak akan diadakan esok, sebulan dari sekarang ataupun dalam masa lima bulan lagi.

Perdana Menteri juga berkata, beliau akan memberi masa kepada pemimpin BN khususnya di peringkat bahagian untuk bertemu anggota dan penyokong untuk mendapatkan dan memastikan sokongan mereka tetapi mereka tidak akan diberi "masa yang banyak".

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan persiapan BN Perak dalam menghadapi pilihan raya, Dr Mahathir berkata beliau selalunya tidak pernah puas hati.

"Saya fikir walaupun kita capai 100 peratus, kita kena capai 120 peratus," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebab itu beliau mahu komponen BN menentukan setiap anggota dan orang yang dikenali menyokong BN dan beliau memberi tugas kepada ketua bahagian parti-parti komponen supaya bekerja lebih kuat, umpamanya mereka mesti menentukan siapa ahli mereka dan apa pendirian mereka.

Diminta mengulas sama ada amarannya mungkin ada ahli komponen BN akan mengundi pembangkang dibuat berdasarkan maklumbalas yang diterima, beliau berkata tidak.

"Ada kemungkinan itu, jadi kita kena tentukan, sebab itu saya suruh berjumpa dengan semua anggota parti selain daripada penyokong dan orang ramai," katanya.

(END)